

**Petunjuk Nabawi Dalam Mendepani Fitnah Akhir Zaman:
Sebuah Kajian Tematik**

***[Prophetic Guidance In Facing The Tribulations Of The End Times:
A Thematic Study]***

Ali Abdul Jalil (Corresponding author)

Jabatan As-Sunnah, Fakulti Al-Quran Dan Sunnah,

Universiti Islam Antarabangsa Tuanku Syed Sirajuddin, (UNISIRAJ), 02600, Perlis, Malaysia.

alijalil@unisiraj.edu.my

Mohamad Hafiz Darpen

Jabatan As-Sunnah, Fakulti Al-Quran Dan Sunnah,

Universiti Islam Antarabangsa Tuanku Syed Sirajuddin, (UNISIRAJ), 02600, Perlis, Malaysia.

hafizdarpen@unisiraj.edu.my

Muaz Mohd Ghani Basri

Jabatan As-Sunnah, Fakulti Al-Quran Dan Sunnah,

Universiti Islam Antarabangsa Tuanku Syed Sirajuddin, (UNISIRAJ), 02600, Perlis, Malaysia.

muazghanibasri@unisiraj.edu.my

Khalilullah Amin Ahmad

Bahagian Pengajian Islam, Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan,

11800, Universiti Sains Malaysia (USM), Pulau Pinang, Malaysia.

amin@usm.my

**Article
Progress:**

Submission date:
20-05-2025
Accepted date:
20-06-2025

ABSTRACT

The tribulations of the end times are events that are certain to occur. The Prophet Muhammad (peace be upon him) himself informed his ummah about the severity of these trials. According to some contemporary scholars, certain signs of these end-time tribulations have already begun to emerge, serving as indicators of the nearing of the Day of Judgment. Therefore, the researcher feels it is essential to conduct a study to understand the Prophet's guidance in facing these tribulations. This is of great importance, as the Prophet not only foretold the coming of these trials but also provided clear guidance on how to navigate and survive them. Indeed, there is no path better than the path shown by the Prophet (PBUH). To achieve this objective, a qualitative method was employed by analysing the content of hadiths related to end-time tribulations. The findings of this study indicate that, in facing such trials, the Prophet taught his ummah to prepare in several aspects—namely spiritual, intellectual, political, and others.

Keywords: Prophetic Guidance, Tribulations, End Times

PENDAHULUAN

Dalam ajaran Islam, akhir zaman merupakan satu fasa yang dipenuhi dengan peristiwa cabaran dan pancaroba. Salah satu topik yang sering menjadi perbahasan dalam konteks akhir zaman adalah fitnah atau dalam bahasa arabnya disebut sebagai fitan yang mana dari sudut bahasanya bermaksud membakar. Kemudian perkataan ini juga digunakan juga untuk merujuk kepada cubaan dan dugaan (Ibn Manzūr, 1992). Al-Jurjānī (1983) menyatakan bahawa perkataan fitan merujuk kepada sesuatu yang dengannya akan menampakkan keadaan seseorang itu sama ada dia baik atau buruk. Menurut `Abd al-Karīm al-Khuḍayr (2016), Allah menduga (yaftinu) sesiapa sahaja dari kalangan hambanya untuk melihat sejauh mana mereka berpegang teguh dengan agamanya.

وَنَبْلُوكُمْ بِالشَّرِّ وَالْخَيْرِ فِتْنَةً

Maksudnya:

“Dan kami menguji kamu dengan keburukan dan kebaikan sebagai cubaan”. (Al-Anbiya’: 35)

Umat Islam mesti meyakini bahawa hari kiamat itu akan tiba. Sebelum itu, akan muncul banyak kesusahan, kepayahan dan ujian. Sabda Nabi SAW:

لَا تَقُومُ السَّاعَةُ حَتَّىٰ يُفْبَضَ الْعِلْمُ، وَتَكُثُرُ الزَّلَازُلُ، وَيَتَقَارَبَ الزَّمَانُ، وَتَظْهَرَ الْفَيْنُ، وَيَكْثُرُ الْهَرُجُ -
وَهُوَ الْفَتْلُ الْفَتْلُ - حَتَّىٰ يَكْثُرَ فِيْكُمُ الْمَالُ فَيَفِيضُ

Maksudnya:

“Tidak akan berlaku hari kiamat melainkan akan hilangnya ilmu, banyak terjadi gempa bumi, waktu berlalu dengan pantas, timbul fitnah, dan banyak al-haraj iaitu pembunuhan, sehingga harta akan melimpah ruah kepada kalian” (Al-Bukhārī, 2000).

Ibn Ḥajar al-`Asqalānī (1958) ketika menjelaskan penggunaan perkataan al-fitān beliau menjelaskan bahawa pada asalnya ‘Fitnah’ itu merujuk kepada ujian, kemudian digunakanapakai secara meluas dari maksud ujian kepada sesuatu perkara yang dibenci, dosa, dan kekufuran. Justeru, kajian ini dijalankan bagi mengkaji bagaimanakah petunjuk Nabi SAW dalam mendepani fitnah akhir zaman yang pasti akan berlaku itu.

SOROTAN KAJIAN

Berikut adalah antara tulisan-tulisan yang telah dihasilkan dalam mebincangkan fitnah-fitnah akhir zaman.

1. Kajian Himpunan Hadith Fitnah

Beberapa karya klasik dan kontemporari telah mengumpulkan hadis-hadis berkaitan fitnah akhir zaman dan tanda-tanda kiamat:

| Penulis/Karya | Kandungan | Komen |
|-----------------------------------------------------------------|-------------------------------------------------------------|--------------------------------------|
| Hanbal bin Ishāq (1998), <i>al-Fitan</i> | Fokus hanya pada bab Dajjal; bahagian lain hilang. | Terhad dan tidak lengkap. |
| Al-Dānī (1994), <i>al-Sunan al-Wāridah fi al-Fitan</i> | Menyusun hadis fitnah mengikut bab; tiada penilaian sanad. | Fokus pada dokumentasi. |
| Ibn Kathīr (1988), <i>al-Nihāyat fi al-Fitan wa al-Maṭāḥim</i> | Menyandarkan hadis kepada sumber asal; gaya tafsir sejarah. | Tidak fokus pada strategi praktikal. |
| Sa'īd & 'Abd al-Rahīm (2006), <i>Mawsū 'ah Aḥādīth al-Fitan</i> | Susunan mengikut bab dan takhrij hadis. | Menyediakan data lengkap. |
| Mubayyad (2006), <i>Mawsū 'ah fi al-Fitan</i> | Himpunan hadis + huraian + takhrij. | Sesuai sebagai sumber asas. |
| Muṣṭafā al-'Adawī (1991), <i>al-Ṣaḥīḥ al-Musnad...</i> | Fokus kepada hadis sahih sahaja. | Ada nilai semakan sanad. |

Rumusan: Karya-karya ini memberi fokus kepada pengumpulan hadis dan takhrij, tetapi belum menggarap metod atau pendekatan Rasulullah SAW secara eksplisit dalam menangani fitnah.

2. Kajian Yang Menyentuh Pendekatan Nabawi Secara Langsung

Sebahagian karya memberikan fokus kepada cara Rasulullah SAW membimbing umat menghadapi fitnah, walaupun pada kadar yang berbeza.

| Penulis/Karya | Fokus | Nilai Tambah |
|---------------------------------------------------------------------|------------------------------------------------------------------|------------------------------------|
| Al-Rājihī (2006), <i>al-Sabīl al-Munī li al-Muslim min al-Fitan</i> | Definisi fitnah, jenis-jenis, cara selamat daripadanya. | Menyentuh aspek panduan praktikal. |
| al-Khudayr (2017), <i>al-Fitan: 'Alāmatuhā</i> | Sebab fitnah dan jalan selamat. | Ada pendekatan analitis. |
| al-Ḥāzimī (2000), <i>Mawqif Muslim min al-Fitan...</i> | Bentuk-bentuk fitnah, sikap Muslim terhadapnya. | Bahas dari perspektif Sunnah. |
| Al-Idrīsī (2005), <i>Fiqh al-Fitan</i> | Tafsiran sahabat terhadap fitnah dan langkah menyelamatkan diri. | Kajian fiqhi & praktikal. |

| Penulis/Karya | Fokus | Nilai Tambah |
|--------------------------------------------------|--------------------------------------------------|-------------------------|
| al-Syahri (2008), <i>Mawqif Ahl al-Sunnah...</i> | Kaedah menyesuaikan nusus fitnah dengan realiti. | Ada dimensi metodologi. |

Rumusan: Karya-karya ini lebih hampir dengan skop kajian, namun belum membangunkan kerangka sistematik pendekatan Nabawi secara terperinci.

3. Penilaian Keseluruhan & Jurang Kajian

| Aspek | Pemerhatian |
|------------------------------|-----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| Fokus utama kajian sedia ada | Himpunan hadis dan ciri-ciri fitnah |
| Kelemahan umum | Kurangnya penekanan terhadap strategi atau pendekatan praktikal Rasulullah SAW |
| Jurang utama | Tiada kerangka sistematik Kaedah Nabawi dalam mendepani fitnah |
| Justifikasi kajian | Memberi tumpuan khusus kepada petunjuk dan pendekatan Baginda SAW secara terfokus dalam menghadapi fitnah akhir zaman |

Kesimpulan Sorotan Kajian

Sorotan terhadap literatur terdahulu menunjukkan bahawa kebanyakan karya yang membincangkan isu fitnah akhir zaman lebih tertumpu kepada pengumpulan hadis-hadis berkaitan fitnah dan tanda-tanda kiamat. Karya-karya ini telah memberikan sumbangan besar dari segi dokumentasi, takhrij dan penstrukturkan hadis, namun kurang memberikan penekanan terhadap analisis metodologi atau pendekatan Nabi SAW secara langsung dalam menghadapi fitnah.

Sebahagian penulisan seperti karya al-Rājīḥīy, al-Khuḍayr dan al-Ḥāzimīy mula mengetengahkan perbahasan tentang sikap dan panduan selamat daripada fitnah, tetapi masih belum membentuk satu kerangka sistematik atau model tindakan Nabawi yang boleh dirujuk secara akademik dan praktikal.

Oleh itu, dapat dirumuskan bahawa masih wujud jurang kajian dalam bidang ini, khususnya dari aspek pemetaan kaedah Nabawi dalam mendepani fitnah akhir zaman secara terperinci dan berstruktur. Artikel ini berusaha mengisi kekosongan tersebut dengan menumpukan kepada pemahaman menyeluruh terhadap petunjuk-petunjuk praktikal yang

ditunjukkan oleh Rasulullah SAW melalui hadis-hadis fitnah, serta membina asas pemikiran strategik berteraskan Sunnah.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini dijalankan dengan tujuan mengkaji bagaimana petunjuk Nabi SAW dalam mendepani fitnah akhir zaman. Bagi mencapai tujuan ini, penulisan artikel ini dijalankan dengan menggunakan metode kualitatif melalui kaedah analisis kandungan yang terdapat dalam penulisan-penulisan sarjana hadith mengenai hal ini.

DAPATAN DAN PERBAHASAN KAJIAN

PETUNJUK NABAWI DALAM MENDEPANI FITNAH AKHIR ZAMAN

Melalui hadith-hadith yang terdapat dalam penulisan-penulisan para ulama dan pengkaji hadith, berikut adalah antara petunjuk dari Nabi SAW buat umatnya sebagai persediaan menghadapi fitnah akhir zaman:

Membudayakan Ilmu

Ulama pergi silih berganti, maka sebagai persediaan mendepani fitnah akhir zaman, para ilmuan hendaklah memainkan peranan untuk menyebarkan ilmu dan berusaha sedaya upaya untuk mengangkat kejahilan daripada umat. Nabi SAW bersabda:

إِنَّ اللَّهَ لَا يَقْبِضُ الْعِلْمَ اِنْتِرَاعًا يَنْتَرِعُهُ مِنَ النَّاسِ، وَلَكِنْ يَقْبِضُ الْعِلْمَ بِقَبْضٍ الْعُلَمَاءِ، حَتَّىٰ إِذَا لَمْ يَتُرْكُ عَالِمًا،
اَتَخْدَ النَّاسُ رُؤُوسًا جُهَّالًا، فَسَيُلُّوا فَأَفْتَوْا بِعَيْرِ عِلْمٍ، فَضَلُّوا وَأَضَلُّوا

Maksudnya:

“Sesungguhnya Allah tidak menghapuskan ilmu dengan mencabutnya dari manusia, akan tetapi Allah menghapuskan ilmu dengan mematikan ulama sehingga tiada lagi orang alim, dan manusia akan mengangkat orang jahil sebagai pemimpin, maka mereka akan bertanyakan soalan dan pemimpin yang jahil itu akan berfatwa tanpa ilmu, maka mereka sesat lagi menyesatkan” (Muslim, 2002).

Bukan itu sahaja, setiap insan mesti berusaha bersungguh-sungguh dalam menyebarkan ilmu dan mendidik anak-anak tanpa rasa putus asa. Jika didikan itu tidak berhasil, maka manusia tidak dipersoal tentang hasil. Para Nabi juga dakwahnya tidak diterima oleh orang yang paling hampir dengannya, sepetimana yang berlaku kepada Nabi Nūḥ, isteri dan anak-anaknya, Pun begitu dakwahnya tetap diteruskan selama 950 tahun (Al-Khuḍayr, 2017).

Berpegang Teguh Dengan Ajaran Agama

Antara perkara yang muslim perlu lakukan apabila berhadapan dengan fitnah ialah berpegang teguh dengan keimanan kepada Allah dan rasulNya. Tidak dapat digambarkan bagaimana perit dan kuatnya ujian ketika itu, sesiapa yang tidak kuat pegangannya, maka dia akan tersasar dari jalan hidayah. Sabda Nabi SAW:

بَادِرُوا بِالْأَعْمَالِ فَتَنًا كَقِطَّعَ اللَّيلَ الْمُظْلِمِ، يُصْبِحُ الرَّجُلُ مُؤْمِنًا وَيُمْسِي گَافِرًا، أَوْ يُمْسِي مُؤْمِنًا وَيُصْبِحُ
كَافِرًا، يَبْيَغُ دِينَهُ بِعَرَضٍ مِنَ الدُّنْيَا

Maksudnya:

“Bersegeralah beramal sebelum munculnya fitnah yang datang bagaikan potongan-potongan malam yang gelap, seseorang pada pagi harinya beriman dan pada petangnya telah menjadi kafir, atau petangnya masih beriman dan pagi harinya telah menjadi kafir, menjual agamanya dengan kepentingan dunia” (Muslim, 2002).

Dalam hadith ini juga, baginda SAW juga menyeru umatnya supaya perbanyakkan amalan sebagai persediaan mendepani fitnah akhir zaman. Maka antara perkara yang boleh dilakukan ialah berpegang teguh dengan al-Qur’ān dengan membacanya dan menghayati maknanya, membaca buku-buku yang ditulis oleh ahli ilmu, membaca tafsir dan menghadiri majlis ilmu sehingga seseorang itu bijak dalam beragama sehingga dia tidak akan terjatuh ke dalam apa-apa syubhat dan syahwat. Apabila insan itu menuntut ilmu, dia akan berfikir dan meneliti sehinggalah sesuatu perkara itu menjadi jelas, dan dia akan mengetahui bahawa syubhat itu akan merosakkan pegangannya, maka dia akan menjauhinya. Dia juga akan tahu bahawa syahwat akan membawa dia kepada perkara yang diharamkan, maka dia menjauhi daripadanya. Maka dengan itu, menuntut ilmu dan tafaqquh merupakan jalan yang akan mengeluarkan seseorang itu dari fitnah dan jauh dari sebab-sebabnya (Al-Rājīhī, 2006).

Melazimi Ibadah

Antara amalan lain yang boleh diamalkan semasa berdepan dengan fitnah ialah perbanyakkan ibadah. Sabda Nabi SAW:

الْعِبَادَةُ فِي الْفِتْنَةِ كَهِيجَرَةٍ إِلَيْهِ

Maksudnya:

“Ibadah ketika fitnah itu seperti berhijrah kepadaku” (Al-Tabrānī, t.t.).

Makna hadith ini memberi galakan supaya sentiasa beribadat, melakukan ketaatan, dan mendekatkan diri kepada Allah ketika zaman fitnah dan kepayahan kerana ramainya orang lalai daripada beibadat semasa berlakunya fitnah, ujian dan musibah. Maka dalam hadith ini Nabi SAW mengumpamakan orang yang beribadat, melakukan ketaatan dan sentiasa patuh dengan perintah Allah ketika fitnah seperti orang yang berhijrah kepadanya. Dan Nabi SAW menyamakannya dengan hijrah kerana pada zaman awal islam, sahabat meninggalkan negara orang kafir, dan pergi ke negara orang beriman. Maka jika berlakunya fitnah, insan mestilah melarikan diri daripadanya dengan memperbanyak ibadah. (Al-Hāzimī, 2000).

Perbanyakkan Memohon Keampunan Kepada Allah

Apabila muslim berhadapan dengan fitnah, antara cara untuk keluar daripadanya ialah perbanyakkan istighfar. Firman Allah SWT:

وَمَا كَانَ اللَّهُ مُعَذِّبَهُمْ وَهُمْ يَسْتَغْفِرُونَ

Maksudnya:

“Dan tidaklah Allah mengazab mereka dan mereka sedang beristighfar”. (Al-Anfal: 33)

Dapat difahami melalui ayat ini, jika istighfar itu mampu untuk menghindarkan azab, maka ia juga mampu untuk menghindar dan mengeluarkan diri dari fitnah kerana fitnah itu sebahagian daripada azab (Al-Hāzimī, 2000).

Memohon Perlindungan Daripada Allah

Selain beramal untuk diri sendiri, perlu diingatkan juga bahawa Allah jualah tempat hambaNya bergantung. Maka antara perkara yang boleh diamalkan ialah berdoa kepada Allah. Sesungguhnya dengan berdoa, muslim akan dapat menghindarkan segala penyakit, meleraikan segala kepayahan, dan meringankan segala musibah, dan kepadaNya tempat berlindung. Antara doa yang boleh diamalkan ialah doa yang telah dibaca oleh Nabi SAW sebelum memberi salam ketika solat:

اللَّهُمَّ إِنِّي أَعُوذُ بِكَ مِنْ عَذَابِ الْقَبْرِ، وَأَعُوذُ بِكَ مِنْ فِتْنَةِ الْمَسِيحِ الدَّجَّالِ، وَأَعُوذُ بِكَ مِنْ فِتْنَةِ
الْمَحْيَا، وَفِتْنَةِ الْمَمَاتِ، اللَّهُمَّ إِنِّي أَعُوذُ بِكَ مِنَ الْمَأْثَمِ وَالْمَغْرَمِ

Maksudnya:

“Ya Allah, aku berlindung denganMu daripada azab kubur, dan aku berlindung denganMu daripada fitnah dajjal, dan aku berlindung denganMu daripada fitnah kehidupan dan fitnah kematian. Ya Allah, aku berlindung denganMu daripada dosa dan hutang” (Al-Bukhārī, 2000).

Tingkatkan Kesabaran

Nabi SAW sudah menggambarkan bahawa fitnah itu penuh dengan ujian dan kepayahan, maka antara perkara yang muslim perlu lakukan ketika itu ialah bersabar. Sabda Nabi SAW:

إِنَّ السَّعِيدَ لَمَنْ جُنِّبَ الْفِتْنَ، إِنَّ السَّعِيدَ لَمَنْ جُنِّبَ الْفِتْنَ، وَلَمَنْ
ابْتُلِيَ فَصَبَرَ فَوَاهَا

Maksudnya:

“Sesungguhnya orang yang bahagia adalah orang yang terhindar daripada fitnah, Sesungguhnya orang yang bahagia adalah orang yang terhindar daripada fitnah, Sesungguhnya orang yang bahagia adalah orang yang terhindar daripada fitnah, dan juga orang yang diuji dan dia bersabar, lalu dia mengatakan betapa baiknya ujian ini” (Abū Dāwūd, t.t.).

Hadith ini juga selari dengan apa yang telah Allah firmankan:

وَلَنَبْتُلَّكُمْ بِشَيْءٍ مِّنَ الْخُوفِ وَالجُوعِ وَنَقْصٍ مِّنَ الْأُمُوَالِ وَالْأَنْفُسِ وَالثَّمَرَاتِ وَبَشِّرِ الصَّابِرِينَ

Maksudnya:

“Dan kami akan menguji kamu dengan sedikit rasa ketakutan, kelaparan dan kekurangan harta, jiwa dan hasil tanaman, dan berilah khabar gembira buat orang yang bersabar”. (Al-Baqarah: 155)

Setia Dengan Jemaah Orang Islam

Tambahan pula, antara perkara yang umat islam perlu lakukan apabila berdepan dengan fitnah akhir zaman ialah kekal teguh bersama al-jamā`ah dan keluar daripadanya akan menghasilkan kerosakan yang dahsyat. Hudhayfah apabila bertanya kepada Nabi SAW apa yang perlu dilakukan apabila berhadapan dengan fitnah, baginda bersabda:

تَلْزُمُ جَمَاعَةَ الْمُسْلِمِينَ وَإِمَامَهُمْ. قُلْتُ: إِنْ مَمْ يَكُنْ لَّهُمْ جَمَاعَةٌ وَلَا إِمَامٌ؟ قَالَ: فَاعْتَزِلْ تِلْكَ الْفِرَقَ
كُلَّهَا، وَلَوْ أَنْ تَعْضَ بِأَصْلِ شَجَرٍ، حَتَّى يُدْرِكَ الْمَوْتُ وَأَنْتَ عَلَى ذَلِكَ

Maksudnya:

“Lazimlah jemaah orang islam dan imam mereka”. Aku (Hudhayfah) berkata: “Maka jika tiada jemaah dan imam bagaimana?”. Nabi SAW bersabda: “Jauhkanlah diri dari kelompok-kelompok itu. sekalipun kamu menggigit akar pokok sehingga kamu ditimpa kematian, kamu harus tetap begitu” (Al-Bukhārī, 2000).

Kata Ibn Ḥajar (1958): “kata al-Ṭabarī: pandangan yang betul ialah maksud daripada hadith ialah melazimi jemaah yang disepakati atas pemerintahannya pada hal ketaatan, dan siapa yang mencabut ketaatan daripadanya, maka dia telah terkeluar daripada jemaah”. Maka patuh kepada pemerintah juga termasuk daripada petunjuk daripada Nabi SAW dalam berhadapan dengan fitnah. Selain daripada patuh kepada pemerintah, muslim juga mesti melazimi ahli al-sunnah wa al-jamā`ah. Kata Ṣāliḥ Āli al-Syaykh (1990): “sesungguhnya kelaziman yang dimaksudkan itu ialah melazimi ahli al-sunnah wa al-jamā`ah, melazimi kata-kata mereka, tidak keluar dari qawā`id mereka, tidak juga dari peraturan-peraturan mereka, dan tidak juga keluar daripada ketetapan ulama-ulama mereka. Sesungguhnya mereka mengetahui usul al-sunnah wa al-jamā`ah, dalil-dalil syarak, perkara-perkara yang tidak diketahui oleh orang ramai, dan juga orang-orang yang menisbahkan diri mereka kepada ilmu, kerana bagi ulama itu ilmu yang mantap dan pandangan yang betul”. Allah juga telah berfirman:

وَاعْتَصِمُوا بِحَبْلِ اللَّهِ جَمِيعًا وَلَا تَنَزَّقُوا

Maksudnya:

“Berpegang teguhlah dengan tali Allah dan janganlah kamu berpecah belah”. (Ali-Imran: 103)

Dan sesungguhnya al-Quran dan al-Sunnah telah menunjukkan perpecahan dan persengketaan yang menimpa ke atas kesepakatan dan persetujuan orang islam merupakan antara kerosakan yang terbesar yang mana ia dibenci oleh Allah, rasulNya dan hamba-hambaNya yang beriman. Ini kerana ianya akan menyebarkan kebencian, permusuhan dan perseteruan antara umat islam sehingga mereka akan membenci antara satu sama lain dan saling menjauhi. Dan kemudian sebahagiannya mula melantik seseorang yang disukai sebagai ketua tanpa berdasarkan perintah Allah, maka ianya akan membawa kepada peperangan kuasa dan senjata, kemudiannya akan berlaku pemulauan dan pengasingan sehingga sebahagiannya tidak solat di belakang sebahagiannya yang lain (Al-Idrīsī, 2005).

KESIMPULAN

Kajian ini telah menganalisis beberapa hadis sahih berkaitan fitnah akhir zaman dan berjaya mengenal pasti tujuh bentuk petunjuk Nabawi yang bersifat praktikal serta aplikatif untuk dihayati oleh umat Islam dalam menghadapi cabaran zaman. Antara petunjuk tersebut termasuklah: membudayakan ilmu, berpegang teguh kepada agama, memperbanyakkan ibadah, memperbanyakkan istighfar, memohon perlindungan kepada Allah, meningkatkan kesabaran, dan melazimi jemaah serta kepimpinan umat Islam.

Dapatan ini menunjukkan bahawa pendekatan Rasulullah SAW dalam mendepani fitnah adalah bersifat menyeluruh - merangkumi aspek rohani, sosial, intelektual dan siyasah. Ia bukan hanya bersifat pasif atau bertahan, tetapi mencakupi strategi dalaman dan luaran yang terarah kepada pembinaan individu dan masyarakat yang berdaya tahan terhadap pelbagai bentuk kekacauan dan penyelewengan zaman.

Namun begitu, kajian ini hanya menelusuri peringkat awal dalam memahami pendekatan Nabawi dan belum membina satu model konseptual yang mantap bagi tujuan aplikasi kontemporari. Oleh yang demikian, kajian lanjutan dicadangkan untuk memperkuuh sumbangan ilmiah dalam bidang ini melalui beberapa ruang berikut:

1. Penyesuaian Pendekatan Nabawi dengan Konteks Semasa

Penyelidikan lanjut wajar meneliti kesesuaian pendekatan Nabawi terhadap fenomena semasa seperti krisis maklumat, polarisasi sosial, ekstremisme agama, dan cabaran kepimpinan umat Islam secara kontemporari.

2. Pendekatan Maqāṣid Syariah dalam Menganalisis Petunjuk Nabawi

Suatu kajian berdasarkan maqāṣid al-syarī‘ah dapat dijalankan bagi menilai nilai-nilai teras dan matlamat syariah yang terkandung dalam panduan-panduan Rasulullah SAW terhadap fitnah zaman.

3. Kajian Komparatif dengan Amalan Salaf al-Šāliḥ

Kajian yang membandingkan petunjuk Nabi SAW dengan amalan sahabat dan generasi awal Islam boleh memberi gambaran lebih praktikal dan aplikatif terhadap pelaksanaan pendekatan tersebut dalam realiti sejarah.

Melalui cadangan-cadangan ini, diharapkan wacana berkaitan pendekatan Nabawi dalam mendepani fitnah akhir zaman dapat diperluaskan dengan lebih ilmiah, menyeluruh dan bersifat strategik, sekali gus memberi sumbangan bermakna kepada pembangunan kefahaman Islam yang bersifat holistik dan responsif terhadap cabaran zaman.

RUJUKAN

Al-Quran.

Al-Anṣārī, Jamāl al-Dīn Ibn Manzūr. (1992). *Lisān al-`Arab*. Beirut: Dār al-Šādīr.

Al-Jurjānī, `Alī Bin Muḥammad al-Syarīf. (1983). *Al-Ta`rifāt*. Beirut: Dār al-Kutub al-`Ilmiyyah.

Al-Khuḍayr, `Abd al-Karīm `Abd Allah. (2016). *Syarh Kitāb al-Fitāb Min Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, Riyadh: Ma`ālim al-Sunan.

Al-Bukhārī, Muḥammad Bin Ismā`īl. (2000). *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*. Beirut: Dār Ṭūq al-Najāt,

Al-`Asqalānī, Ahmad Bin `Alī Bin Ḥajar. (1958). *Fath al-Bārī*. Beirut: Dār al-Ma`rifat.

Ḥanbal Bin Iṣhāq Bin Ḥanbal. (1998). *Al-Fitan*. Lubnan: Dār al-Basyā'ir al-Islāmiyyah.

Muslim Bin Ḥajjāj. (2002). *Ṣaḥīḥ Muslim*. Dār Ihyā` al-Turāth al-`Arabī.

Al-Khuḍayr, `Abd al-Karīm `Abd Allah. (2017). *Al-Fitan: `Alāmatuhā, Asbābuhā, Ṭuruq al-Wiqāyat Minhā*. Riyadh: Ma`ālim al-Sunan

Al-Rājihī, `Abd al-`Azīz Bin `Abd Allah (2006). *Al-Sabīl al-Munjī Li al-Muslim Min al-Fitan*. Riyadh: Fihrisat Maktabah al-Malak al-Fahd al-Waṭanīyyah Athnā` al-Nasyr.

Al-Ṭabrānī, Sulaymān Bin Aḥmad Bin Ayyūb (t,t). *Al-Mu`jam al-Kabīr*. Kaherah: Maktabah Ibn Taymīyyah.

Al-Ḥāzimī, Abī Anas Ḥusayn Bin Muhsin. (2000). *Mawqif Muslim Min al-Fitan Fī Ḏaw'* al-Kitāb Wa al-Sunnah. Riyadh: Maktabah Aḍwā` al-Salaf.

Al-Sijistānī, Abū Dāwud Sulaymān Bin al-Asy`ath. (t.t). *Sunan Abī Dāwud*. Beirut: al-Maktabah al-`Aṣrīyyah.

Āli al-Saykh, Ṣāliḥ Bin `Abd al-`Azīz. (1990). *Al-Ḏawābit al-Syarīyah Li Mawqif al-Muslim Min al-Fitan*. t.tp: t.pt.